

GARISPANDUAN GANTIRUGI DAN KERJA TAK SIAP

1.0 Tujuan

Menggariskan langkah-langkah yang harus diambil bagi pengeluaran Perakuan Kerja Tak Siap (PKTS).

2.0 Langkah Awal/Pertimbangan Yang Harus Diambil Semasa Menentukan Sama Ada Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) Akan Dikenakan (Klausa 40)

- (a) Sekiranya penyiapan kerja telah terlambat dan Kontraktor tidak layak diberi Lanjutan Masa, kerugian atau gantirugi yang dialami oleh Kerajaan akibat kelambatan tersebut hendaklah ditanggung oleh Kontraktor.
- (b) Kerugian atau gantirugi itu didapatkan semula melalui pengenaan Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) iaitu melalui pengeluaran PKTS.
- (c) Sebelum Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) dikenakan kepada Kontraktor, pertimbangan sewajarnya perlu dibuat kerana ianya bukan penyelesaian terbaik bagi Kerajaan untuk menyiapkan kerja-kerja yang tergendala tersebut. Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) tidak seharusnya dikenakan bagi maksud mengenakan denda semata-mata atau pengajaran kepada Kontraktor sebaliknya ia dianggap sebagai pendorong kepada Kontraktor untuk menyiapkan kerja dengan segera.
- (d) Sekiranya difikirkan Kontraktor masih berupaya untuk menyiapkan kerja, Kontraktor boleh dibenarkan meneruskan kerja dengan mengenakan Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD).
- (e) Tindakan mengenakan Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) tidak mendatangkan faedah sekiranya kemungkinan besar Kontraktor tidak boleh menyiapkan kerja kerana Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) menambahkan bebanan ke atas Kontraktor dimana besar kemungkinannya sedang menghadapi masalah kewangan.

3.0 Amaran Mengenakan Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD)

- (a) Sebarang kelambatan akan menjadi ketara apabila kemajuan kerja pembinaan dikesan. Keperluan mengenakan Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) akan timbul apabila sebab-sebab kelambatan tidak melayakkan Kontraktor mendapatkan lanjutan masa.
- (b) Sebelum Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) dikenakan, adalah wajar Kontraktor diberi amaran mengenai niat untuk mengenakan Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) walaupun ianya tidak merupakan satu kehendak di bawah kontrak.

GARISPANDUAN GANTIRUGI DAN KERJA TAK SIAP

4.0 Maklumat Tambahan Berkaitan Dengan Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD)

Pastikan tempoh polisi-polisi insurans, gerenti pelaksanaan dan gerenti bayaran pendahuluan, jika potongan bayaran pendahuluan belum selesai, dilanjutkan kepada satu tarikh yang dijangkakan.

Sekiranya Kontraktor tidak melanjutkan tempoh insurans / gerenti pelaksanaan, Jabatan hendaklah mengambil tindakan untuk melanjutkannya.

5.0 Pegawai-pegawai Yang Diberikuasa Untuk Meluluskan Perakuan Kerja Tak Siap

Pegawai yang dilantik adalah sebagaimana tercatat di Dokumen Kontrak – Lampiran kepada Syarat-syarat Kontrak (mengikut Surat Pekeliling JPS Bil. 1/2003). Berikut adalah ringkasan Pegawai-pegawai yang diberikuasa.

Nilai Kontrak	Pegawai Yang Diberikuasa
a) Melebihi RM25 juta	Ketua Pengarah JPS Malaysia
b) Melebihi RM10 juta tidak melebihi RM25 juta	Timbalan Ketua Pengarah JPS Malaysia
c) Tidak melebihi RM10 juta	Pegawai Penguasa Yang Dilantik

6.0 Pengesanan Kemajuan Kerja Setelah Perakuan Kerja Tak Siap Dikeluarkan

- (a) Pengesanan Kemajuan Kerja Kontraktor adalah penting. Ianya menjadi lebih penting apabila Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) telah dikenakan.
- (b) Gantirugi ini mesti tidak dibenarkan terkumpul bagi satu tempoh masa yang lama sehingga ia menjadi satu bebanan. Sekiranya dengan pengenaan Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD), prestasi Kontraktor menunjukkan yang dia tidak mungkin dapat menyiapkan kerjanya, tindakan serta merta mesti diambil untuk menamatkan pengambilan kerjanya.

7.0 Pengecualian Gantirugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD)

- (a) Agensi Kerajaan dibenar mengecualikan bayaran LAD bagi tempoh tidak melebihi tiga (3) bulan selepas tempoh kontrak kepada Kontraktor Bumiputera yang melaksanakan kerja dengan syarat :
 - (i) Jumlah pengecualian bayaran gantirugi ini diberikan mengikut pertimbangan dan budi bicara agensi Kerajaan masing-masing tetapi tidak melebihi tempoh tiga (3) bulan selepas tempoh kontrak;
 - (ii) Jumlah pengecualian bayaran gantirugi ini dikira semasa penyediaan Perakuan Muktamad;
 - (iii) Pada masa pengiraan dibuat, Kontraktor hendaklah masih bertaraf Bumiputera. Agensi Kerajaan hendaklah menyemak dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) untuk menentukan taraf tersebut masih sah; dan
 - (iv) Pengecualian bayaran gantirugi ini tidak meliputi perkara-perkara yang dibenarkan di dalam Syarat-syarat Am Kontrak.
- (b) Pengecualian bayaran gantirugi tertentu dan ditetapkan (LAD) ini tidak boleh diberikan untuk kontrak pembinaan rumah kediaman/kedai untuk dijual kepada orang ramai.
- (c) Pegawai Penguasa diberikuasa untuk membuat keputusan samada Kontraktor layak atau tidak diberi pengecualian LAD termasuk tempoh yang akan dikecualikan.

GARISPANDUAN GANTIRUGI DAN KERJA TAK SIAP

8.0 Cara-cara Pengisian Borang JKR 203X - Pin. 1/83 – Perakuan Kerja Tak Siap

Muka surat 1

- | | | |
|------|--|--|
| 8.1 | Kerajaan | - masukkan `KERAJAAN MALAYSIA` bagi Projek Persekutuan dan `KERAJAAN NEGERI` bagi Projek Negeri |
| 8.2 | Rujukan | - sila masukkan nombor fail projek pejabat pegawai yang diberikuasa menandatangani Perakuan. |
| 8.3 | Pejabat | - isikan alamat pejabat pegawai yang diberikuasa untuk menandatangani Perakuan |
| 8.4 | Tarikh | - tarikh Perakuan ini ditandatangani oleh Pegawai Penguasa |
| 8.5 | Kepada | - masukkan nama dan alamat Kontraktor seperti terdapat dalam dokumen kontrak atau alamat baru yang dimaklumkan oleh Kontraktor |
| 8.6 | Kelas | - mengikut kelas pendaftaran semasa Kontraktor |
| 8.7 | No. Kontrak | - masukkan nombor kontrak seperti terdapat dalam dokumen kontrak |
| 8.8 | Kontrak Untuk | - masukkan nama projek seperti terdapat dalam dokumen kontrak |
| 8.9 | Bahagian | - masukkan bahagian kerja sekiranya “Sectional Completion” ada diperuntukkan dalam kontrak |
| 8.10 | Para 1 | - sila potong bahagian yang tidak berkenaan
- masukkan tarikh siap atau tarikh siap yang dilanjutkan |
| 8.11 | Para 2 | - masukkan nilai denda LAD bagi setiap hari seperti yang tercatat dalam dokumen kontrak. |
| 8.12 | Masukkan dalam ruangan selepas para 2, Tandatangan, Nama dan Jawatan Pegawai seperti yang tercatat dalam dokumen kontrak – Lampiran kepada Syarat-syarat Kontrak | |
| 8.13 | Pastikan salinan Perakuan Kerja Tak Siap diedarkan kepada pihak-pihak berkenaan. Potong nama dan alamat pihak-pihak yang tidak berkenaan | |

GARISPANDUAN GANTIRUGI DAN KERJA TAK SIAP

Sila lihat **Carta Aliran Kelambatan dan Lanjutan Masa dan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor.**

10.0 Surat-surat Pekeliling dan Format Standard Yang Berkaitan

- (a) Surat Pekeliling Perbendaharaan
 - i. SPP 8/95 - Pengecualian Denda 'Liquidated and Ascertain Damages' Sehingga 3 Bulan Kepada Kontraktor Bumiputera Yang Melaksanakan Kontrak Kerja Dengan Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun

- (b) Surat Pekeliling JPS
 - i. JPS UB 4/94 - Garispanduan menetapkan Amaun Denda Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD).
 - ii. JPS Bil. 3/2009 - Perlantikan Pegawai Penguasa (P.P), Perwakilan Kuasa Pegawai Penguasa (Wakil P.P) dan Pegawai-pegawai Yang Diberi Kuasa (PYDK) dalam urusan Pentadbiran Kontrak.



IBU PEJABAT JPS MALAYSIA



SURAT PEKELILING JPS Bil 1/2003

PERLANTIKAN PEGAWAI PENGUASA (P.P.), PERWAKILAN KUASA PEGAWAI PENGUASA (WAKIL P.P.) DAN PEGAWAI-PEGAWAI YANG DIBERI KUASA (PYDK) DALAM URUSAN PENTADBIRAN KONTRAK.

1.0 TUJUAN

Tujuan Surat Pekeliling ini adalah untuk menjelaskan dan mengemaskinikan peraturan sediaada berkenaan perlantikan P.P., Wakil P.P. dan PYDK di bawah kontrak. Ini adalah bertujuan untuk melicinkan lagi urusan pentadbiran kontrak, selaras dengan keperluan Jabatan dan kehendak Syarat-syarat Kontrak.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Surat Pekeliling JPS UB. 1/1995 bertarikh Mac 1995 yang dikeluarkan oleh Jabatan sebelum ini adalah berkenaan perlantikan P.P. dan Wakil P.P. mengikut had-had nilai kontrak yang ditetapkan. Perlantikan ini adalah tertakluk juga kepada kontrak yang dikendalikan oleh Juruperunding.
- 2.2 Surat Pekeliling itu juga telah menetapkan hak-hak tertentu yang dihaskan kepada PYDK didalam Lampiran kepada Syarat-syarat Kontrak dan Pegawai-pegawai yang diberi kuasa untuk menandatangani Perakuan-Perakuan yang dikeluarkan di bawah kontrak.

- 2.3 Memandangkan kebelakangan ini Jabatan telah banyak mengendalikan projek-projek besar yang nilainya melebihi nilai RM 25.0 Juta, peraturan sediada ini telah menimbulkan masalah dalam pentadbiran kontrak. Ini disebabkan kerana bidang kuasa pihak-pihak yang terlibat adalah kurang jelas dan menimbulkan kekeliruan.
- 2.4 Oleh yang demikian, peraturan sediada mengenai perlantikan P.P. dan Wakil P.P., peraturan mengenai kuasa-kuasa menandatangani dan meluluskan perakuan-perakuan yang dikeluarkan di bawah kontrak perlulah dipinda bagi menyesuaikan dengan keperluan dan hasrat Jabatan.

3.0 CARA PELAKSANAAN

3.1 Perlantikan P.P.

- 3.1.1 Perlantikan P.P. untuk semua projek JPS hendaklah dibuat mengikut had-had nilai kontrak seperti yang dinyatakan dalam Lampiran A, tidak kira samada kontrak dikendalikan oleh JPS sendiri atau melibatkan Juruperunding.
- 3.1.2 Walaubagaimanapun bagi projek-projek yang bernilai melebihi RM 100 juta, P.P. yang akan dilantik perlulah mendapat kelulusan dari Ketua Pengarah terlebih dahulu.

3.2 Perlantikan Wakil P.P.

- 3.2.1 Dalam keadaan di mana P.P sendiri tidak menyelia kerja yang dijalankan di Tapak, beliau hendaklah mewakili kuasa-kuasa tertentu kepada pegawai yang dilantik sebagai Wakil P.P seperti di Lampiran A.
- 3.2.2 Dalam mewakili kuasa-kuasanya P.P tidak semestinya mewakili kuasa kepada seorang wakil P.P sahaja. Selain daripada Wakil P.P. Kerja Utama, pegawai tertentu yang lain seperti Jurutera Mekanikal atau Jurutera Elektrik atau Juruukur Bahan yang ditugaskan untuk menyelia kerja-kerja di bawah bidang kepakaran masing-masing boleh juga dilantik sebagai Wakil P.P Pakar.

3.2.3 Di mana Juruperunding diambil bekerja untuk penyeliaan pelaksanaan kerja dan pentadbiran kontrak, Juruperunding berkenaan hendaklah dilantik sebagai Wakil P.P. Dalam mewakilkan kepada Juruperunding, perwakilan kuasa hendaklah dipinda di mana perlu.

3.2.4 Contoh Surat-surat dan Pemberitahu Perwakilan Kuasa adalah seperti di Lampiran-lampiran B, B/1, C dan C/1.

3.3 Hak-hak Tertentu Yang Dikhaskan Kepada Pegawai Yang Dinamakan Dalam Lampiran Kepada Syarat-syarat Kontrak.

3.3.1 PYDK untuk mengambil tindakan bagi fasal-fasal 40, 43, 51, 52 dan 54 Syarat-syarat Kontrak adalah sepertimana dinyatakan dalam Lampiran A.

3.4 Menandatangani Perakuan-Perakuan Yang Dikeluarkan Di bawah Kontrak.

3.4.1 Dengan perlantikan pegawai yang dinamakan dalam Lampiran kepada Syarat-syarat Kontrak, P.P., perwakilan kuasa-kuasa kepada wakil P.P., Perakuan-Perakuan yang dikeluarkan di bawah Kontrak hendaklah ditandatangani oleh pegawai-pegawai sepertimana yang dinyatakan dalam Lampiran D.

3.5 Menguruskan dan Meluluskan Perakuan Bayaran Interim

3.5.1 Pengurusan Perakuan Bayaran Interim untuk semua projek JPS hendaklah dibuat mengikut had-had nilai kontrak seperti yang dinyatakan dalam Lampiran E.

4.0 PENGUATKUASAAN

- 4.1 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa dengan serta-merta bagi semua kontrak yang berasaskan borang JKR 203 atau 203A yang belum ditandatangani dan/atau kontrak yang mana perwakilan kuasa Pegawai Penguasa belum lagi dibuat.
- 4.2 Bagi kontrak yang telah ditandatangani dan masih dalam pembinaan dan juga kontrak yang berasaskan kepada borang JKR DB/T (Design & Build/ Turnkey) hendaklah dirujuk kepada Pengarah Ukur Bahan untuk nasihat dan tindakan selanjutnya.
- 4.3 Dengan terkeluarnya Surat Pekeliling ini, Surat Pekeliling berikut adalah dibatalkan:
 1. SPJPS.UB. 1/1995 bertarikh Mac 1995 secara keseluruhan.
 2. Surat Edaran bagi Pindaan kepada SPJPS.UB.1/1995 dan SPJPS.UB.2/1995 Penurunan Kuasa di dalam Urusan Tender dan Pentadbiran Kontrak Bil. (22) dlm. PPS. 2 CUB Jld. 3 bertarikh 9 April 1997, iaitu keseluruhan butiran Bil. 3 dalam Lampiran 'A' yang berkaitan dengan aktiviti semakan dan kelulusan perakuan bayaran interim.

Sekian,

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“TRANSFORMASI PERTANIAN MELALUI TEKNOLOGI”

(DATO' IR. HJ. KEIZRUL BIN ABDULLAH)

Ketua Pengarah,
Jabatan Pengairan dan Saliran,
Malaysia.

27 Mei 2003

s.k. - Timbalan Ketua Pengarah 1
- Timbalan Ketua Pengarah 11

Bil. Fail : () dlm PPS. 10/4/2 CUB Jld. 4